



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
SABTU 27 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	MAFI SEDIA PERUNTUKAN RM15 JUTA LAHIRKAN 750 AGROPRENEUR MUDA, NASIONAL, SH-15	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	1,160KG DAGING KAMBING DARI AUSTRALIA DIRAMPAS, MAHKAMAH DAN JENAYAH, SH-23	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3.	RAMPAS 1,160KG DAGING KAMBING TIADA LOGO HALAL, NASIONAL, BH-15	
4.	RAKYAT RESTU PEMBANGUNAN, NELAYAN BERSEPAKAT BANTAH, NEGARA, KOSMO-4	LAIN-LAIN
5.	BANYAK NEGERI TERLIBAT AKTIVITI TAMBAKAN LAUT, NEGARA, KOSMO-5	
6.	SI MANIS PENGENDALI DRON PERTANIAN, WM, HM-37	
7.	BANYAK TERIMA TEMPAHAN, WM, HM-38	

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

27/3/2021

SINAR  
HARIAN

NASIONAL

15

## MAFI sedia peruntukan RM15 juta lahirkan 750 agropreneur muda sepanjang 2021

**TUMPAT** - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mem-peruntukkan sebanyak RM15 juta bagi melahirkan seramai 750 agropreneur muda sepanjang tahun 2021 di seluruh negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdulllah Mat Nawi berkata, sasaran itu mampu dicapai dengan bantuan geran dan pembiayaan yang tinggi disediakan kerajaan termasuk bimbingan khas.

Menurutnya, penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan sangat penting dan dialu-alukan untuk membantu pembangunan industri makanan negara yang kebanyakannya melibatkan kumpulan mereka yang sudah berusia.

“Sejak tahun 2016, Program Agropreneur Muda (PAM) telah dilancarkan bagi membantu dan menggalakkan penglibatan golongan muda dalam sektor agromakanan melibatkan

individu berumur 18 hingga 40 tahun.

“Menerusi Geran Agropreneur Muda (GAM) yang berbentuk barangan ini juga mampu meningkatkan pengeluaran hasil dan menambah pendapatan agropreneur muda,” katanya kepada pemberita di sini pada Jumaat.

Beliau berkata demikian sempena Program Lawatan Kerja Agropreneur Muda ke daerah Tumpat di Pejabat Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Tumpat yang turut dihadiri Pengurus Besar KADA, Nik Roslan Idris.

Che Abdulllah berkata, menerusi program tersebut, golongan muda diberikan pendedahan dan bimbingan secara efisien dalam aspek tanaman, ternakan, perikanan, industri makanan, agropelancongan serta pemasaran.

“Seramai 6,969 agropreneur muda seluruh negara telah menerima kelulusan PAM bermula 1 Januari hingga 24 Disember 2020 dengan jumlah RM126,23 juta.

“Bagi tahun 2020, seramai 1,149



Che Abdulllah (tengah) bersama penerima geran sempena Program Lawatan Kerja Agropreneur Muda di KADA Tumpat pada Jumaat.

orang agropreneur muda seluruh negara menerima kelulusan GAM bermula 1 Januari hingga 24 Disember 2020 yang berjumlah RM21.73 juta,” katanya.

Sementara itu, di Kelantan, Che Ab-

dulllah berkata, seramai 509 orang agropreneur muda telah menerima kelulusan GAM dari 1 Januari 2016 hingga 31 Disember 2020 dengan nilai RM8.86 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/9/2021	SINAR HARIAN	MAKAMAH DAN JENAYAH	23

## 1,160kg daging kambing dari Australia dirampas

**SEPANG** - Sebanyak 1,160 kilogram daging kambing yang diimport dari Australia bernilai RM56,614.70 dirampas oleh Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Rabu.

Pemangku Pengarah Maqis Selangor, Zamri Hashim berkata, rampasan tersebut dibuat selepas pemeriksaan dilakukan pada jam 11 pagi di kawasan pemeriksaan Maqis, Kargo KLIA.

“Kesalahan dikesan ketika pemeriksaan fizikal dilakukan iaitu tiada logo halal pada pembungkusan daging tersebut. Pengimportan daging ini tidak mematuhi syarat permit import yang sah dikeluarkan oleh Maqis. Kesemua daging kambing tersebut ditahan untuk tindakan lanjut,” katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Tambah beliau, kegagalan mengimport tanpa mematuhi syarat permit menjadi suatu kesalahan di bawah Seksyen 15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728].

Jika sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara selama enam tahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.



**1,160 kilogram daging kambing segar yang diimport dari Australia bernilai RM56,614.70 dirampas Maqis di KLIA pada Rabu.**



# Rampas 1,160kg daging kambing tiada logo halal

Pengimportan dagingan tidak patuh syarat permit

Oleh Suzalina Halid  
suzalina@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) merampas daging kambing segar import dari Australia seberat 1,160 kilogram (kg) bernilai RM56,614.70

di Kargo Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, Rabu lalu.

Pemeriksaan pegawai jabatan itu mendapati bekalan daging terabit tidak mempunyai logo halal pada bungkusannya.

Pemangku Pengarah MAQIS Selangor, Zamri Hashim, berkata pe-

ngimportan dagingan daging itu dikesan tidak mematuhi syarat permit import yang sah dikeluarkan oleh MAQIS.

"Kesalahan ini dikesan ketika pemeriksaan fizikal dilakukan anggota kita, iaitu tiada logo halal pada pembungkusan daging dan semua daging kambing berkenaan kemudian dirampas untuk tindakan lanjut.

"Kegagalan mengimport tanpa mematuhi syarat permit menjadi satu kesalahan mengikut Seksyen



Daging kambing segar diimport dari Australia bernilai RM56,614.70 dirampas di Kargo KLIA, Rabu lalu.

15(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau dipenjara enam tahun atau kedua-duanya sekali," katanya.

Beliau berkata, pihak MAQIS sentiasa meneliti dan cekap dalam menjalankan pemeriksaan ke-

atas setiap dagangan yang diimport atau dieksport ke luar negara.

Katanya, ia bagi mengelakkan kemasukan dagangan bersama penyakit dan perosak yang boleh menjejaskan negara kerana meraka perlu mematuhi syarat serta peraturan yang ditetapkan kerajaan.





SEBAHAGIAN projek tambakan laut di perairan Queensbay, Bayan Baru yang dijalankan pada tahun 2017.

## Rakyat restu pembangunan, nelayan bersepakat bantah

**GEORGE TOWN** – Keputusan kerajaan negeri dan pemaju projek pembangunan untuk melaksanakan aktiviti tambakan laut khususnya di bahagian pulau mendapat reaksi berbelah bahagi daripada kumpulan rakyat di negeri itu.

Tinjauan Kosmo! mendapati, rata-rata penduduk di negeri ini tidak membantah aktiviti penambakan laut selagi projek itu tidak menjejaskan alam sekitar dan memberi manfaat besar kepada rakyat.

Bagaimanapun kata mereka, projek-projek berkenaan perlu mengutamakan kepentingan rakyat berbanding memberi keuntungan besar kepada pemaju.

Seorang penduduk, Mohamed Rizwan Abdul Ghafoor Khan berkata, rakyat negeri ini mendapat manfaat daripada tambakan laut di antara Jambatan Pulau Pinang dan pusat bandar raya apabila terbina Lebuhraya Tun Dr. Lim Chong Eu.

"Rakyat akan susah sekiranya lebuhraya tidak wujud kerana ia adalah nadi utama dan melicinkan trafik untuk ke pusat bandar.

"Bagaimanapun, tambakan laut telah memberi kesan negatif apabila pengaliran sungai menjadi tidak teratur sehingga menyebabkan banjir di beberapa kawasan," katanya.

Bellau berkata, kebanyakan projek tambakan laut dilihat tidak memberi keuntungan kepada keseluruhan penduduk.

"Saya lihat nisbah rumah kos sederhana atau rendah untuk penduduk B40 hanyalah lima peratus dan situasi itu tidak adil



NELAYAN merupakan kumpulan penduduk paling terjejas ekoran aktiviti menambak laut di Pulau Pinang.

kepada masyarakat," katanya.

Seorang penghuni pangsapuri Pinang Court yang dibina di atas kawasan tambakan laut di Jelutong, Hafiz Marzuki, 31, berkata, dia mendapat manfaat daripada pembangunan itu, namun mengharapkan perancangan rapi bagi setiap projek pada masa akan datang agar tiada pihak tertindas.

"Ia tidak patut dilakukan jika ada pihak seperti nelayan terjejas 'perluk nasi' dan janglah susahlah mereka," katanya.

Dalam pada itu, nelayan merupakan kumpulan utama yang membantah projek tambakan laut di negeri ini apabila mendakwa pendapatan mereka terjejas ekoran aktiviti berkenaan.

Pembinaan tiga pulau buatan menerusi Projek Tambakan Laut Bahagian Selatan Pulau Pinang (PSR) dekat Bayan Lepas yang dijangka bermula tidak lama lagi turut menimbulkan konflik.

Pengerusi Persatuan Nelayan Pulau Pinang (Pen Mutiara), Mahadi Md. Rodzi berkata, projek berkenaan bakal menjejaskan rezeki nelayan apabila pembinaan itu mengambil masa yang panjang antara 15 ke 20 tahun.

"Kerajaan sebelum ini menjangkakan seramai 1,615 nelayan di kawasan PSR yang terjejas, angkanya adalah lebih tinggi kerana terdapat kira-kira 10,000 nelayan mencari rezeki di seluruh perairan Pulau Pinang," katanya.

Keluasan Pulau Pinang bertambah 10 peratus menjelang 2030

## TAMBAK LAUT ELAK GANGGU BUKIT

Laporan Khas

Info Pulau Pinang (bahagian pulau)

Oleh SYALMIZI HAMID

**GEORGE TOWN** – Keluasan tanah di kawasan pulau di negeri ini dijangkakan bertambah kira-kira 10 peratus menjelang tahun 2030 menerusi beberapa siri tebus guna tanah atau tambakan laut termasuk projek pembinaan lima pulau buatan.

Berdasarkan data jurnal *Global Ecology and Conservation*, aktiviti tambakan laut di pulau ini bermula sekitar tahun 1960 dengan pertambahan keluasan 0.4 kilometer (km) persegi sebelum melonjak kepada keluasan 9.5 km persegi atau 3.2 peratus pada 2015.

Pertambahan keluasan tanah Pulau Pinang bagaimanapun diteruskan dan semakin pantas dengan beberapa projek tambakan laut seiring pembangunan dan pertumbuhan penduduk dalam tempoh 2017 sehingga 2030.

Projek tambakan itu merangkumi pembinaan dua pulau buatan seluas kira-kira 307 km persegi menerusi projek swasta, Seri Tanjung Pinang (STP) Fasa 2 di Tanjung Pinang di sini.

Projek itu turut merangkumi taman awam seluas kira-kira 0.53 km persegi di atas kawasan tambakan berdekatan Periaran Gurney dikenali Gurney Wharf.

Sementara itu, pembinaan tiga buah pulau buatan menerusi Projek Tambakan Laut Bahagian Selatan Pulau Pinang (PSR) yang bermula awal April depan melibatkan keluasan kira-kira 18.21 km persegi di kawasan perairan Teluk Kumbar dekat Bayan Lepas.

PSR yang dijangka siap dalam tempoh 15 hingga 20 tahun merupakan projek mega di bawah Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang yang merangkumi stesen-stesen dan depoh transit aliran ringan (LRT), guna tanah perumahan, industri, komersial dan rekreasi.

• Keluasan semasa bahagian pulau 301.26 km persegi (sumber: Jabatan Penerangan)

• Jumlah penduduk bahagian pulau kira-kira 722,300 (sumber: Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP))

• Merangkumi daerah Timur Laut yang menempatkan bandar raya George Town, Tanjung Bungah, Batu Ferringhi, Ayer Itam, Bukit Bendera, Jelutong dan Pulau Jerejak serta daerah Barat Daya membabitkan kawasan Bayan Baru, Balik Pulau, Teluk Kumbar dan Teluk Bahang.

• Dihubungkan oleh Jambatan Pulau Pinang di Gelugor dan Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah di Batu Maung dengan tanah besar di Seberang Perai.

• Pulau ini turut dihubungkan dengan perkhidmatan feri dan bot yang membawa penumpang antara Pangkalan Sultan Abdul Halim di Butterworth dengan Pangkalan Raja Tun Uda di George Town.

• Bandar raya George Town diwartakan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008.


Memetik laporan jurnal berkenaan, keluasan pulau ini dijangka bertambah menjadi 321.8km persegi menjelang 2030 berbanding 290.6 km persegi pada 1960.

Ini bermakna, keluasan tanah negeri yang mendapat jolokan Pulau Mutiara itu bertambah sebanyak 10 peratus (atau merangkumi kawasan tambakan seluas kira-kira 32.3 km persegi hanya dalam tempoh 70 tahun).

Menurut Jabatan Perangkaan, keluasan semasa pulau ketika ini adalah kira-kira 301.26 km persegi.

Dalam pada itu, Timbalan Ketua Menteri 1, Datuk Ir. Ahmad Zakkiyuddin Abd. Rahman berkata, projek tebus guna tanah di negeri itu perlu dilakukan





AHMAD ZAKIYUDDIN

memandangkan tiada lagi ruang tanah yang mencukupi untuk dibangunkan di kawasan pulau.

"Kerajaan negeri mempunyai polisi ketat yang menghalang pembangunan di kawasan bukit dan kira-kira 50 peratus kawasan di bahagian pulau di litupi dengan bukit dan tidak boleh dibangunkan.

"Kawasan rendah pula telah tepu dengan pembangunan dan yang tinggal hanyalah kawasan laut yang berpotensi untuk pembangunan (tambahan).

"Pembangunan (baharu) juga tidak boleh dibawa ke Seberang Perai kerana (kerajaan) tidak mahu mengganggu kawasan

pertanian dan sawah padi selain banyak pembangunan baharu Industri di Batu Kawan," katanya ketika ditemui Kosmo di pejabatnya di Kompleks Tun Abdul Razak (KOMTAR) di sini baru-baru ini.

Berdasarkan Rancangan Struktur Negeri Pulau Pinang 2030, jumlah penduduk di negeri ini diunjurkan seramai 2.29 juta orang menjelang 2030 berbanding kira-kira 1.53 juta pada 2010.

Dalam pada itu, Ahmad Zakiyuddin berkata, setiap pembangunan di pulau ini terutamanya projek tambakan laut seperti PSR tidak dibuat secara semberono, sebaliknya dengan

kajian dan perancangan ketat.

"Kerajaan komited dan patuh kepada syarat terutamanya Pelan Pengurusan Impak Sosial (SIMP) dalam Kajian Impak Alam Sekitar (EIA), malah kita akan lakukan lebih daripada yang disyaratkan.

"Apabila bercakap soal tambakan laut, kita tidak sangkal bahawa nelayan pantai di kawasan berkenaan terjejas, tetapi kerajaan memberi tumpuan dalam merancang alternatif untuk membantu," katanya lagi.

Menurut beliau, PSR yang dijangka selesai dalam tempoh 25 tahun bakal memberi manfaat dengan mewujudkan 300,000 peluang pekerjaan baharu.



PROJEK tambakan laut membolehkan kerajaan negeri melaksanakan pelbagai projek pembangunan.

## Banyak negeri terlibat aktiviti tambakan laut

**GEORGE TOWN** - Aktiviti tebus guna tanah atau tambakan laut tidak hanya berlaku di negeri ini, sebaliknya beberapa negeri lain turut merancang dan melakukan pembangunan tersebut.

Jurucakap Persatuan Sahabat Alam Malaysia (SAM) berkata, berdasarkan rekod pihaknya sehingga 2019, antara negeri yang terlibat dalam aktiviti tambakan laut ialah Perak, Melaka, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Selangor, Sabah, Labuan serta Kelantan.

"Perak menambak 8,049 hektar tanah pada 1997 di pesisiran daerah Lekir di Sitiawan selain cadangan tambakan seluas 1,375.9 hektar bagi Taman Industri Berat Bagan Datuk.

"Selain itu, projek Melaka Gateway seluas 1,504.9 hektar melibatkan kawasan Pantal Klebang, pekan Klebang, Taman Kota Laksamana, Pulau Melaka, Permatang Pasir Permai dan Telok Mas di Melaka," katanya kepada Kosmo baru-baru ini.

Jurucakap itu berkata, projek ikonik Forest City bernilai RM388 bilion merupakan pembangunan hartanah mewah di Tanjung Kupang, Johor memba-

bitkan pulau buatan seluas 1,400 hektar di Selat Tebrau.

"Selain itu, cadangan projek tambak laut di pesisir Lukut di Port Dickson, Negeri Sembilan yang melibatkan 3,237 hektar laut merupakan sebahagian rancangan pembangunan di bawah projek Malaysian Vision Valley.

"Kelantan turut menambak tanah untuk projek pembangunan resort bersepadu di Tumpat dan projek hartanah bernilai RM2 bilion seluas 202 hektar di tanah tebus guna di Kota Bharu Waterfront," katanya lagi.

Menurutnya, pembangunan tambakan laut dilihat memberi kesan buruk kepada alam sekitar dan masyarakat biarpun memberi sumbangan besar kepada ekonomi.

"Ia menyebabkan kehilangan ekosistem kawasan benthic marin, pemusnahan zon penampungan, gangguan rantalan makanan dan pencemaran pesisir pantai.

"Pembangunan itu juga menjejaskan sumber pendapatan nelayan, kesan kepada kualiti hidup penduduk berhampiran dan dilihat akan menjejaskan warisan komuniti di sesetengah kawasan," katanya.



KERJA-KERJA menambak laut yang tidak mengikut syarat dan peraturan bakal memberi kesan negatif kepada manusia dan alam sekitar.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
27/3/2021	HARIAN METRO	WM	37



# SI MANIS PENGENDALI DRON PERTANIAN

**Bekas jurutera, Nur Syazwani bukti kemampuan kendali pesawat kawalan jauh bantu pesawah menjerumuskan racun**

di negara ini. Meskipun pada awalnya ramai yang ragu dengan kemampuan Nur Syazwani namun berkat komitmen dan kemahiran tinggi yang ditunjukkan, dia kini menjadi pilihan utama pesawah di kawasan berkenaan. Kata Nursyazwani, dia tidak menyesal beralih kepada karier itu kerana masa depan bidang berkenaan sememangnya cerah.

"Berdepan Revolusi Industri (IR4.0), sektor pertanian juga perlu bergerak seiring dengan penggunaan teknologi, salah satunya adalah penggunaan dron atau pesawat tanpa pemandu (UAV) dalam industri penanaman padi. Ia bagi menggantikan kaedah penyemburan racun rumpai dan serangga serta baja secara manual.

"Kaedah ini mampu mengurangkan keberagantungan tenaga kerja malah terbukti membantu petani menjimatkan kos dan masa," katanya ketika ditemui Harian Metro di Sungai Besar, baru-baru ini.

Mengimbau sejarah awal pembabitannya dalam bidang berkenaan, Nur Syazwani berkata, semuanya bermula selepas dia berhenti kerja akhir September lalu dan pulang ke kampung untuk menjaga bapanya yang ketika itu kurang sihat. Kata graduan

Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Pembuatan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) itu, bapanya, Mohamed Rizal Muhd Tayab yang juga pengendali kursus dan latihan dron pertanian kemudian mengajaknya untuk menceburi bidang berkenaan memandangkan dia memiliki latar belakang dalam bidang kejuruteraan.

"Namun, laluannya bukan mudah kerana saya perlu mengikuti peibagal kursus teknikal (kendalian My Drone Services) dan Kursus Asas Pengendali Dron serta Kursus Agriculture Drone Pilot (ADP) berkaitan cara pengendalian, pemasangan, penggunaan Sistem Penentu Kedudukan Global (GPS) dan cara menerbangkan dron dengan selamat anjuran Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSB).

"Selain kemahiran, dan Teknik penerbangan dron, saya juga perlu belajar mengawal ketinggian, kelajuan, lebar jalur semburan (Swath) dron dan masa yang sesuai untuk menyembur racun supaya usaha menghapuskan rumpai, penyakit seperti Bacterial Leaf Blight (BLB) pada padi serta serangan serangga seperti ulat batang, lebih berkesan," katanya.

> 30



MAHIR membaiki dron

## FOKUS

Oleh Fairul Asmaini  
Mohd Pilus  
asmaini@nstp.com.my

Kehadiran Nur Syazwani Mohamed Rizal, 26, di kawasan bendang sekitar Tanjung Karang dan Sungai Besar, Selangor, seawal jam 7 pagi untuk mengendalikan dron bagi membantu pesawah menyembur racun kepada tanaman sememangnya mencuri tumpuan.

Apa tidaknya, bekas jurutera sebuah syarikat swasta itu antara pengendali dron pertanian wanita di dalam bidang yang sememangnya dimonopoli kaum lelaki



DARI MUKA 37

Selain memberi perkhidmatan semburan baja dan racun pada pesawah, Nur Syazwani juga turut melebarkan perkhidmatan semburan baja dan racun kepada pengusaha ladang kelapa sawit, ladang pisang, nanas, jagung dan tanaman lain termasuk tanaman sistem fertigasi.

Begitupun, anak kedua daripada empat beradik itu bukanlah calang-calang pengendali dron kerana dia juga mampu membaikinya dan memprogramkan semula dron yang rosak menyebabkan ramai pengendali dron (lelaki) menghantar dron kepadanya untuk diperbaiki.

Nur Syazwani menerusi syarikatnya, ADP Sytech Sdn Bhd kini menjadi ejen bertauliah My Drone Services di kawasan berkenaan dan dia akan memberi khidmat nasihat teknikal terlebih dahulu pada orang ramai yang berminat membeli dron pertanian.

Katanya, tempahan daripada pesawah untuk menyembur baja dan racun tanaman khususnya padi serta tanaman lain juga kian meningkat menyebabkan dia tidak cukup tangan untuk memenuhi permintaan berkenaan.

"Disebabkan itu, saya turut mengajak adik, Nur Syazwana, 24, graduan ijazah Sarjana Muda Sains Matematik Pengkomputeran, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan kami bergabung tenaga untuk memenuhi permintaan pesawah untuk menyembur racun tanaman padi mereka.

"Selain itu, dua lagi rakan kami, Nur Syahira Azlyn Azman, 24, graduan Sains Marin dan Teknologi, Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) serta Norfara Aiza Hamzah, 26, graduan kejuruteraan Aeroangkasa, Universiti Putra Malaysia (UPM) turut berhenti kerja dan menyertai

# BANYAK TERIMA TEMPAHAN

Nur Syazwani gabung tenaga dengan adiknya, Nur Syazwana penuhi permintaan sembur racun, baja

FOTO: NUR ADISHAHWAZ IZAM



**MEMASTIKAN** semua proses persediaan lancar sebelum menerbangkan dron untuk penyemburan racun di bendang.

syarikat ini.

"Nur Syahita dan Norfara masih dalam latihan dan apabila sudah mahir kelak, mereka akan bergerak bersama dalam satu pasukan pengendali dron pertanian (wanita) bagi memenuhi tempahan perkhidmatan meracun serta membaja menggunakan dron yang semakin meningkat," katanya.

Nur Syazwani berkata, waktu kerja mereka setiap hari adalah dari jam 6.30 pagi hingga 11 pagi dan selepas Asar hingga tengah malam kerana malam adalah waktu aktif serangga perosak selain dron boleh bekerja pada sebelah malam.

Katanya, untuk satu lot padi seluas kira-kira 1.2 hektar, masa yang diperlukan untuk dron menyembur racun dan baja hanya sekitar 20 hingga

30 minit sahaja termasuk persediaan membancuh racun, memasang dron dan sebagainya.

"Jika tiada masalah dan bagi menjaga kualiti perkhidmatan semburan kami, sebelah pagi kami boleh menyiapkan sebanyak enam lot, tiga lot pada sebelah petang dan tiga hingga empat lot lagi pada sebelah malam.

"Kami pernah menyiapkan 13 tempahan pada satu hari dan buat masa ini, perkhidmatan yang disediakan hanyalah pada sebelah siang serta sebelah malam pula hanya atas permintaan memandangkan kami semua wanita," katanya yang memiliki beberapa dron cunton termasuk jenis DJI kapasiti 16 liter yang berharga antara RM35,000 hingga RM65,000 sebuah.

Menyentuh soal cabaran menyertai bidang itu, Nur

Syazwani berkata, persepsi masyarakat yang meragui kemampuan wanita seperti itu antara kekangan yang dihadapi.

Selain itu, semua pengendali dron juga berdepan masalah jika hujan berpanjangan yang menghalang proses penyemburan dilakukan.

"Namun, alah bisa tegal biasa. Bagi saya tidak kira anda lelaki atau perempuan, jika ada minat dan usaha, insya-Allah akan berjaya.

"Saya berterima kasih kepada ibu dan bapa yang menjadi tulang belakang selama ini, tanpa sokongan mereka, semua itu mustahil untuk dicapai," katanya yang turut memberi tunjuk ajar dalam kursus pengendalian dron kepada masyarakat sekitar Sungai Besar hingga Kuala Selangor yang berminat.



**BERGABUNG** tenaga bersama adiknya, Nur Syazwana serta dua lagi rakan, Nur Syahira Azlyn dan Norfara Aiza untuk menjadi peneraju bidang pengendalian dron pertanian wanita di negara ini.



**NUR SYAZWANA** juga mengikut jejak langkah kakaknya.

Berkat komitmen dan kemahiran yang dimiliki juga membolehkan Nur Syazwani dan bapanya dijemput mengendalikan pelbagai kursus pengendalian dron aturajaran agensi awam serta swasta di seluruh negara untuk menarik lebih ramai belia menceburkan diri dalam teknologi dron.

Nur Syazwani juga bercita-cita untuk menerokai bidang lain yang berasaskan perkhidmatan menggunakan teknologi dron.



**WAKTU** malam juga sesuai untuk meracun serangga



**MENDAPAT** jemputan untuk mengendalikan kursus di seluruh negara

**Kami pernah menyiapkan 13 tempahan pada satu hari dan buat masa ini, perkhidmatan yang disediakan hanyalah pada sebelah siang serta sebelah malam pula hanya atas permintaan memandangkan kami semua wanita**

**NUR SYAZWANI**